Trienekens

# madah kita

A newsletter for Customers, Business Partners and Employees
*Berita untuk Pelanggan, Rakan Perniagaan dan Pekerja*

Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd. (485296-V)

July - December 2018



## Trienekens amplifies Environmental Education efforts

## KLG Achieves 1,000,000 Safe Man-hours of work without any Lost Time Injury (LTI)



# Group CEO's Message
# *Warkah CEO Kumpulan*

Mr. Stephen Chin

Salam Sejahtera!

Trienekens is a company that aims to meet the expectations of our stakeholders, while also aspiring to attain real achievements in protecting the environment, sustainably develop our society, and ensure the wellbeing of our employees. As a responsible employer, we strive to create safe work environments and address the needs and welfare of our staff by providing sufficient training, and promoting unity and health amongst our team members.

Our recent corporate Health, Safety and Environment (HSE) Week themed "Mental Health Matters. We Care." was a success and for many, an eye-opener on the subject of mental health. We also recently introduced two new programmes, "Stay Fit" and "Safety Synergy" under the "Green Synergy" employee awareness campaign banner, which have been very successful in engaging team members throughout the company.

Perhaps our focus on HSE was best reflected when the Kuching Logistics and Services division achieved an impressive one million Safe Man-hours of work without any Lost Time Injury (LTI) in June 2018. This milestone was especially meaningful because it signifies our team's collective efforts in obtaining excellent safety results in a complicated environment full of daily challenges.

While we endeavour to educate our own team, we have also amplified our efforts in environmental education and community development. Earlier this year, our School Recycling Programme welcomed three new participants; St Joseph's International School, Lodge International School and SK Garland, which was made possible with the kind support of Pansar Company Sdn Bhd.

Pursuing the highest standards of excellence in all of our business practices has helped us deliver significant success, and remains essential to our continued growth. We must remain steadfast in our commitment to advance quality waste management solutions in its every form. Our direction is clear, our team is energised, and we look forward to celebrating greater successes in the coming year. More events are coming up and we hope to share them with you in our next issue of Madah Kita.

Thank you.

*Salam Sejahtera!*

*Trienekens adalah satu syarikat yang sentiasa berusaha memenuhi jangkaan pemegang-pemegang sahamnya. Pada masa sama, ia berusaha memperoleh kejayaan sebenar dalam melindungi alam sekitar, membangun masyarakat kita secara lestari dan memastikan kesejahteraan para pekerja kita terpelihara. Sebagai majikan bertanggungjawab, kami berusaha menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sebarang keperluan serta kebajikan para pekerja ditangani sebaiknya melalui latihan dan aktiviti-aktiviti yang menggalak perpaduan, kesihatan dan kesejahteraan di kalangan anggota pasukan kita.*

*Kejayaan sambutan Minggu Keselamatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) yang bertemakan "Kesihatan Mental Penting. Kami Prihatin" baru-baru ini telah membuka mata ramai peserta tentang isu kesihatan mental. Dalam pada itu, pengenalan dua program baru, "Kekal Sihat" dan "Sinergi Keselamatan" di bawah kempen kesedaran pekerja "Sinerhi Hijau" juga telah berjaya menarik penglibatan anggota-anggota pasukan dari seluruh syarikat.*

*Fokus HSE kita terbukti apabila Bahagian Logistik dan Servis Kuching telah mencapai satu juta jam kerja Manusia Selamat tanpa Kehilangan Masa Kecederaan (LTI) pada Jun 2018. Pencapaian ini amat bermakna kerana ia menggambarkan kerjasama erat pasukan kita dalam mendapatkan tahap keselamatan yang cemerlang di dalam persekitaran harian yang rumit dan mencabar.*

*Selain meneruskan usaha mendidik pasukan kami sendiri, kami juga meningkatkan usaha-usaha kami di dalam pendidikan alam sekitar dan pembangunan komuniti. Pada awal tahun ini, Program Kitar Semula Sekolah kami mengalu-alukan penyertaan tiga sekolah baru; Sekolah Antarabangsa St. Joseph, Sekolah Antarabangsa Lodge dan SK Garland di mana ia berjaya dilancarkan dengan sokongan baik dari Pansar Company Sdn Bhd.*

*Mengejar standard kecemerlangan yang tinggi di dalam semua amalan bisnes kita telah membantu kita mencapai kejayaan yang penuh bermakna, dan kepentingannya terus kekal dalam perkembangan syarikat. Kita harus gigih mengukuh komitmen kita dalam memajukan kualiti penyelesaian pengurusan sisa dalam apa jua bentuk. Arah tuju kita jelas, pasukan kita bersemangat, dan kita teruja untuk menyambut kejayaan-kejayaan yang lebih besar lagi pada tahun depan. Lebih banyak lagi aktiviti-aktiviti yang akan datang dan kami berharap untuk berkongsi dengan anda di dalam isu Madah Kita kami yang seterusnya.*

*Terima kasih.*



# CONTENTS / KANDUNGAN


**Madah Kita Editorial Team**

**Advisor / Penasihat:**
Katherine Kong

**Concept & Editorial / Konsep & Redaksi:**
Julan Yu Abit
Janet J. Balong

**Contributors / Penyumbang:**
Anthea Lee
Clare Kho
Dayang Sherrynazra
Harris Michael Deho



**Corporate Affairs / Hal Ehwal Korporat**

- Forging Stronger Partnerships 02
  *Mengukuh Perkongsian*

**HSE**

- Trienekens Achieves Safety Milestone 07
  *Trienekens Capai Kejayaan Penting Dalam Keselamatan*
- HSE Week Focusses On Mental Health 08
  *Minggu HSE Fokus Kepada Kepentingan Kesihatan Mental*
- Verifying Compliance, Conformance And Performance 11
  *Mengesah Pematuhan Dan Prestasi*

**Human Resources / Sumber Manusia**

- Skills Enhancement For Professional Development 13
  *Memperkasa Kemahiran Untuk Pembangunan Professional*
- 2018 Staff Welfare Fund (SWF) Report 15
  *Laporan Tabung Kebajikan Pekerja (SWF) 2018*

**Special Feature / Rencana Khas**

- "Green Synergy" Campaign Introduces Health & Safety Programmes 16
  *Kempen "Sinergi Hijau" Perkenal Program Kesihatan Dan Keselamatan*
- Educating The Next Generation 17
  *Mendidik Generasi Akan Datang*
- Corporate Sponsorships 19
  *Sumbangan Koporat*

**Our People / Rakan Sekerja Kita**

- New Team Members / *Tenaga Kerja Baru* 20

**Spot The Difference / Carikan Perbezaan** 21

# Forging Stronger Partnerships
## Mengukuh Perkongsian

For the second half of the year, collaboration was featured high in the Group's corporate agenda with joint initiatives bringing together key players to share knowledge, raise industry awareness and strengthen future green development. Trienekens recently worked together with several different associates in joint efforts involving experience and information-sharing initiatives.

*Di separuh akhir tahun ini, jalinan kerjasama menjadi keutamaan di dalam agenda korporat Kumpulan di mana inisiatif-inisiatif bersama telah mengumpul peserta-peserta utama untuk berkongsi pengetahuan, meningkatkan kesedaran industri dan mengukuhkan pembangunan hijau di masa hadapan.*

### Trienekens Signs MoU With UNIMAS
### Trienekens Tandatangani MoU Bersama UNIMAS




In conjunction with Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Innovation & Technology Expo 2018 (InTEX18), Trienekens signed a Memorandum of Understanding (MoU) with the university to establish a basis of cooperation and collaboration between the two organisations. Trienekens' Group CEO, Stephen Chin (front row, left) signed the MoU and exchanged documents with Professor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, Vice Chancellor of UNIMAS at the InTEX18 Conference in July 2018. InTEX18 aims to act as a forum for research groups, academicians, entrepreneurs and students to enhance networking, knowledge sharing and collaboration for the advancement of research and innovation. Also present was Trienekens' Deputy Group CEO, Elvin Wee (back row, extreme left).

*Sempena Ekspo Inovasi & Teknologi 2018 (InTEX18) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Trienekens telah memeterai satu memorandum persefahaman (MoU) dengan universiti berkenaan untuk menjalin kolaborasi di antara kedua-dua organisasi. CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (baris hadapan, kiri) menandatangani MoU dan bertukar dokumen dengan Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan Canselor UNIMAS di Persidangan InTEX18 pada Julai 2018. InTEX18 bertujuan untuk menyediakan forum untuk para penyelidik, akademik, usahawan dan pelajar untuk mengeratkan jaringan, berkongsi pengetahuan dan bekerjasama dalam memajukan penyelidikan dan inovasi. Turut hadir ialah Timbalan CEO Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (baris belakang, hujung kiri).*

## ISWA 2018 World Congress Delegates Visit KIWMP
## Delegasi ISWA 2018 Lawat KIWMP



A group comprising of international delegates of the 2018 International Solid Waste Association (ISWA) World Congress held in Kuala Lumpur was recently in Kuching for a technical tour of the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) in Mambong, featured as part of the event's extended programme.

Besides a briefing on the waste management technologies for municipal and hazardous waste applied in Sarawak, the half-day study visit focussed on the design, engineering and operations of KIWMP's Level-4 Sanitary Landfill. Delegate Huan Chang Yong of NingBo DaDi Chemical Engineering and Environmental Protection Co Ltd said he found the technical tour interesting and informative. "The Sanitary Landfill here is impressive. It was especially interesting to see how the design and operations of the landfill simultaneously addresses the safe and proper management of waste, landfill gas and leachate wastewater."

Trienekens Chief Operating Officer, Alice Lee and General Manager for Treatment & Disposal, Simon Chow (front row, 5th and 3rd left respectively) hosted the entourage.

Since its inception in 1990, the ISWA World Congress annually attracts researchers, scientists, professionals, and policy makers from around the world to network and exchange scientific and technical data, policies as well as case studies on a wide range of solid waste management issues. The Congress serves as a critical platform to bring about positive action and cutting-edge innovation toward sustainable solid waste management with a "think global, act local" approach and is heralded as the industry's premier event for professionals to meet and exchange ideas to advance scientific and technical knowledge for sustainable solid waste management. The three-day event attracted nearly 1,700 delegates from 65 countries this year.

*Serombongan peserta delegasi Kongres Persatuan Sisa Pepejal Antarabangsa (ISWA) 2018 yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini telah membuat satu lawatan teknikal ke Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) di Mambong sebagai salah satu dari program aktiviti kongres.*

*Selain menghadiri taklimat teknologi mengurus sisa perbandaran dan berbahaya yang digunapakai di Sarawak, lawatan separuh hari tersebut juga menerangkan tentang rekabentuk, kejuruteraan dan operasi Tapak Pelupusan Sanitari Tahap 4 KIWMP. Huan Chang Yong dari NingBo DaDo Chemical Engineering and Environmental Protection Co Ltd mengatakan lawatan teknikal tersebut menarik dan bermaklumat. "Tapak Pelupusan Sanitari di sini sangat mengagumkan. Kami amat tertarik dengan rekabentuk dan operasi tapak pelupusan ini juga memastikan sisa, gas tapak pelupusan dan air resapan diurus dengan baik dan selamat."*

*Rombongan tersebut telah dihoskan oleh Ketua Pegawai Operasi Trienekens, Alice Lee and Pengurus Besar, Rawatan dan Pelupusan, Simon Chow (baris depan, ke-5 dan ke-3 kiri).*

*Semenjak ditubuhkan pada 1990, setiap tahun Kongres ISWA Sedunia menarik ramai para penyelidik, saintis, professional dan pakar polisi dari seluruh dunia menjalin hubungan dan berkongsi maklumat saintifik dan teknikal, polisi-polisi serta kes-kes kajian berkenaan isu-isu pengurusan sisa pepejal. Kongres tersebut menjadi platform utama dalam membawa tindakan-tindakan positif dan inovasi terkini ke arah pengurusan sisa pepejal lestari dengan pendekatan "fikir global, bertindak lokal" dan ia dianggap sebaga satu acara utama industri. Tahun ini, program tiga hari tersebut telah menarik seramai 1,700 delegasi dari 65 negara.*

## Educational Tour For Officers / Lawatan Sambil Belajar Untuk Pegawai Tempatan



In October, the company hosted a group of councillors and officers to a site visit of the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP). The visitors were participants of the Housing and Local Government Training Centre (I-KPKT)'s workshop on landfill designs and effective solid waste management, jointly organised by I-KPKT and the National Public Administration Institution, Sarawak (INTAN Sarawak). Department Manager for Landfill, Julian Gabriel Bain (back row, 5th right) led the tour.

*Baru-baru ini Trienekens menerima kunjungan sekumpulan pegawai majlis-majlis tempatan di Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP). Para pelawat terdiri daripada peserta-peserta bengkel rekabentuk tapak pelupusan dan pengurusan sisa pepejal efektif di bawah Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan (I-KPKT), yang juga dianjurkan bersama dengan Institut Tadbiran Negara (INTAN) Sarawak. Lawatan tapak dikendalikan oleh Pengurusan Jabatan Tapak Pelupusan, Julian Gabriel Bain (baris belakang, ke-5 kanan).*

## Meeting With Swinburne University Of Technology
## Mesyuarat Bersama Universiti Teknologi Swinburne




Trienekens welcomed representatives from Swinburne University of Technology (Sarawak Campus) to discuss potential collaborations between the two organisations. The discussion was led by Dr Wong Ngie Hing (middle) and Dr Loke Kar Seng (3rd right) from the university's Faculty of Engineering, Computing and Science. They were welcomed by Trienekens Group CEO, Stephen Chin (3rd left) and Group Deputy CEO, Elvin Wee (2nd left).

*Trienekens telah menerima lawatan beberapa wakil dari Universiti Teknologi Swinburne (Kampus Sarawak) untuk membincangkan potensi kolaborasi di antara kedua-dua organisasi. Perbincangan tersebut diketuai oleh Dr. Wong Ngie Hing (tengah) dan Dr. Loke Kar Seng (ke-3 kanan) dari Fakulti Kejuruteraan, Komputer dan Sains. Kehadiran mereka diterima oleh CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (ke-3 kiri) dan Timbalan CEO Kumpulan, Elvin Wee (ke-2 kiri).*

## Visit By UNIMAS / Lawatan Dari UNIMAS



A group of lecturers from the Faculty of Engineering (Department of Chemical Engineering and Energy Sustainability), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) headed by Associate Professor Dr Rubiyah Hj Baini (4th left, front row) were at the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) for a technical tour and meeting to discuss collaborative research prospects which could potentially benefit both parties. The group is seen here with Trienekens Group CEO, Stephen Chin (front row, 3rd left) and Group Deputy CEO, Elvin Wee (back row, far right).

*Sekumpulan pensyarah daripada Fakulti Kejuruteraan (Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Kelestarian Tenaga), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) diketuai oleh Profesor Madya Dr Rubiyah Hj Baini (ke-4 kiri, baris depan) berada Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) untuk lawatan teknikal dan mesyuarat bagi membincangkan prospek kolaborasi kajiselidik yang mungkin akan berfaedah untuk kedua-dua pihak. Rombongan dilihat bergambar bersama CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (baris depan, ke-3 kiri) dan Timbalan CEO Kumpulan, Elvin Wee (baris belakang, hujung kanan).*

## Discussion With MIDA Sarawak / Perbincangan Dengan MIDA Sarawak



Malaysian Investment Development Authority (MIDA) representatives MIDA Sarawak Director, Redzuan Abd Rahman (3rd right) and Assistant Director, Muhamad Helmi Hasan Basri (3rd left) were recently at the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) for a discussion on tax incentives available for the company's business. They are pictured here with Trienekens Group CEO, Stephen Chin (2nd right), Group Finance & HR General Manager, Tan Show Boon (2nd left); Treatment & Disposal General Manager, Simon Chow (far right) and Finance Division Manager, Cassie Liew.

*Wakil-wakil Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Sarawak, Pengarah MIDA Redzuan Abd. Rahman (ke-3 kanan) dan Timbalan Pengarah, Muhamad Helmi Hasan Basri (ke-3 kiri) baru-baru ini berada di Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP) untuk membincangkan beberapa insentif cukai sedia ada untuk perniagaan syarikat. Mereka dilihat bergambar bersama CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin (ke-2 kanan), Pengurus Besar Kewangan & Sumber Manusia Kumpulan, Tan Show Boon (ke-2 kiri); Pengurus Besar Rawatan & Pelupusan, Simon Chow (hujung kanan) dan Pengurus Bahagian Kewangan, Cassie Liew.*

## The 8th Alliance For Healthy Cities (AFHC) Global Conference And General Assembly 2018
## Persidangan Global Perikatan Bandaraya-Bandaraya Sihat Ke-8 Dan Perhimpunan Besar 2018

The company participated in the exhibition segment of The 8th Alliance For Healthy Cities Global Conference & General Assembly, which ran from 17 - 19 October 2018 at the Borneo Convention Centre in Kuching. The international event saw policy makers, planners, academics, NGOs and individuals from around the region getting together to exchange ideas on how to better manage and run cities to ensure that all three dimensions of sustainability—social, economic, and physical environment—are properly managed in order to promote public health and wellbeing. Pictured here during the expo are Trienekens' Division Manager for Corporate Communications, Julan Yu Abit (far left); Division Manager for Environment R&D, Dayang Sherrynazra bt Awang Sharkawi (far right) and Projects Department Manager, Julius Salok Kassy (2nd right) with YB Datuk John Sikie Tayai, Assistant Minister in the Chief Minister's Office (Native Laws and Customs).




*Baru-baru ini syarikat terlibat di dalam pameran Persidangan Global Perikatan Bandaraya-bandaraya Sihat & Perhimpunan Besar dari 17-19 Oktober 2018 di Pusat Persidangan Borneo, Kuching. Acara antarabangsa ini dihadiri oleh para penggubal dasar, perancang, ahli akademik, NGO dan individu-individu serantau yang berkumpul untuk bertukar idea tentang cara-cara mengurus bandaraya dan bagaimana tiga aspek kelestarian – sosial, ekonomi, dan persekitaran fizikal – perlu diurus dengan baik untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan awam. Dilihat dalam gambar adalah Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat Trienekens, Julan Yu Abit (hujung kiri); Pengurus Bahagian R&D Alam Sekitar, Dayang Sherrynazra bt Awang Sharkawi (hujung kanan), Pengurus Jabatan Projek (ke-2 kanan), Julius Salok Kassy bersama YB Datuk John Sikie Tayai, Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri (Undang-undang dan Adat Bumiputera).*

## 2018 SIOL International Mountain Bike Challenge
## Cabaran Mountain Bike Antarabangsa SIOL 2018



Trienekens was a corporate sponsor of the 2018 Siol International Mountain Bike Challenge (SIMBC), which is organised yearly by The Commission of Kuching North City Hall (DBKU). Held this year at the MTB mountain bike track of Bukil Siol along Jalan Semariang in Kuching early this November, it's objectives are to attract local, domestic and foreign visitors to Kuching, to watch or participate in the event and promote Kuching and Sarawak as a sports tourism destination, while helping the Ministry of Tourism, Arts, Culture, Youth and Sports attract local youth to participate in healthy activities.

Trienekens Division Manager for Corporate Communications, Julan Yu Abit (2nd right) is seen here at the 2018 SIMBC launch with DBKU Mayor, Datuk Abang Wahap Abang Julai (4th left), President of the Sarawak Cycling Association, Dato Benjamin Hasbie (3rd left) and other invited guests.

*Baru-baru ini Trienekens telah menjadi penaja korporat Cabaran Moutain Bike Antarabangsa Siol (SIMBC) 2018 yang dianjurkan setiap tahun oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU). Tahun ini, acara tersebut akan diadakan di trek MTB Bukit Siol, Jalan Semariang di Kuching pada bulan November. Ia bertujuan menarik ramai pengunjung tempatan, domestik serta asing untuk melawat Kuching sambil menyaksikan atau menyertai acara tersebut dan mempromosi Kuching dan Sarawak sebagai satu destinasi pelancongan sukan, dan pada masa sama, membantu Kementerian Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Belia dan Sukan menarik minat para belia tempatan untuk terlibat dalan aktiviti-aktiviti sihat.*

*Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat Trienekens, Julan Yu Abit (ke-2 kanan) berada di pelancaran SIMBC bersama Datuk Bandar DBKU, Datuk Abang Wahap Abang Julai (ke-4 kiri), Presiden Persatuan Berbasikal Sarawak, Dato Benjamin Hasbie (ke-3 kiri) dan lain-lain tetamu.*

# Trienekens Achieves Safety Milestone

## Trienekens Capai Kejayaan Penting Dalam Keselamatan




CELEBRATING SAFETY... Trienekens Kuching Logistics and Services Division claimed a safety milestone when their team reached one million Safe Man-hours of work without any Lost Time Injury (LTI).

*MERAIKAN KESELAMATAN...Bahagian Logistik dan Servis Trienekens Kuching telah berjaya mencapai 1 juta Jam-Manusia Kerja Selamat tanpa sebarang Kehilangan Masa Kecederaan (LTI).*

The Kuching Logistics and Services division of Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd recently achieved an impressive one million Safe Man-hours of work without any Lost Time Injury (LTI).

To commemorate the accomplishment, the company hosted a celebratory lunch with staff of the division at its headquarters, headed by Group Chief Executive Officer, Stephen Chin. In his welcoming address, he congratulated the team on their success, adding that the milestone was made especially meaningful because it signified their collective efforts in obtaining excellent safety results in a complicated environment full of daily challenges.

He added, "This achievement was only made possible through the positive attitude, hard work and diligence of our team members. Whilst we enjoy our success, we cannot afford to become complacent and must always maintain our belief that unsafe acts and conditions are unacceptable in any workplace."

*Bahagian Logistik dan Servis Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd baru-baru ini berjaya mencapai 1 juta Jam-Manusia Kerja Selamat tanpa sebarang Kehilangan Masa Kecederaan (LTI).*

*Pencapaian tersebut diraikan bersama dengan para staf bahagian di dalam satu majlis makan yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Stephen Chin di ibu pejabat Trienekens. Beliau mengucapkan tahniah kepada pasukan di atas kejayaan mereka dan mengatakan kejayaan tersebut amat bermakna kerana ia melambangkan usaha gigih mereka mencapai tahap keselamatan yang cemerlang walaupun berhadapan dengan persekitaran kerja yang penuh dengan cabaran.*

*Tambah beliau, "Kejayaan ini tercapai dengan adanya sikap positif, usaha gigih dan kerajinan setiap anggota pasukan kita. Sambil kita meraikannya, kita juga tidak boleh mudah leka kerana kita harus sentiasa percaya bahawa perbuatan dan keadaan tidak selamat tidak boleh diterima di mana-mana tempat kerja."*

# HSE Week Focusses On Mental Health

## Minggu HSE Fokus Kepada Kepentingan Kesihatan Mental




OUTSTANDING... The KIWMP Leachate Wastewater Treatment Plant (LWTP) received the "Best Overall Performance in HSE Award". Group CEO, Stephen Chin (extreme right) presented the award to (from left) Treatment & Disposal General Manager, Simon Chow; LWTP Senior Supervisor, Andy Edwin; and LWTP Department Manager, Lee Yu Wee.

*CEMERLANG... Loji Rawatan Air Sisa, KIWMP diiktiraf pemenang anugerah "Prestasi Keseluruhan Terbaik dalam HSE". Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Stephen Chin (hujung kanan) menyampaikan anugerah tersebut kepada (dari kiri) Pengurus Besar Rawatan & Pelupusan, Simon Chow; Penyelia Kanan LWTP, Andy Edwin; dan Pengurus Jabatan LWTP, Lee Yu Wee.*




Group Deputy CEO, Elvin Wee (2nd right) presented a special award to the Kuching Logistics & Services Division for achieving 1,000,000 Safe Man-Hours without any Lost Time Injuries (LTI) for the year 2017/2018.

*Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Elvin Wee (ke-2 kanan) menyampaikan anugerah khas kepada Bahagian Logistik & Perkhidmatan Kuching yang berjaya mencapai 1,000,000 Jam-Manusia Kerja Selamat tanpa sebarang Kehilangan Masa Kecederaan (LTI) untuk tahun 2017/2018.*

Employees of Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd celebrated the company's annual Health, Safety & Environment (HSE) Week in August, themed this year as "Mental Health Matters. We Care." Focussing on the importance of mental health, organised programmes included a workshop on Mindfulness and Deep Breathing Techniques, a Staff Fun Run, Zumba sessions and free health screenings for its team members.

The company organises and celebrates its HSE Week yearly as part of its effort to continuously promote HSE awareness among its employees; culminating with a special HSE Day event at the company's head office in Kuching. Trienekens Group CEO, Stephen Chin officiated the event and later graced the presentation of Trienekens HSE excellence awards to outstanding groups and individuals for their past year's HSE performance.

Sub-contractors Swee Cheng Construction, Petrojadi Sdn Bhd and Toh Ah Kaw Contractor Sdn Bhd also received certificates of appreciation for their outstanding safe work performance throughout the past year.

*Kakitangan Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd baru-baru ini telah diraihkan dalam acara tahunan iaitu Minggu Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar (HSE) bertemakan "Kesihatan Mental Penting. Kami Prihatin". Antara program yang dianjurkan termasuk "Mindfulness and Deep Breathing Techniques", larian kesihatan, sesi 'zumba' dan saringan kesihatan percuma untuk pekerja.*

*Syarikat menyambut HSE Week setiap tahun sebagai salah satu usahanya untuk terus mempromosikan HSE di kalangan pekerjanya. Kemuncak sambutan Minggu HSE diakhiri dengan majlis istimewa, "Hari HSE" bertempat di ibu pejabat Trienekens. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Trienekens, Stephen Chin merasmikan majlis dan kemudian menyampaikan anugerah kecemerlangan HSE Trienekens kepada kumpulan dan individu yang mencapai prestasi HSE cemerlang untuk tahun lepas.*

*Subkontraktor Swee Cheng Construction, Petrojadi Sdn Bhd dan Toh Ah Kaw Contractor Sdn Bhd pula menerima sijil penghargaan atas prestasi kerja selamat mereka sepanjang tahun lepas.*



"The Green Synergy Award" recognizes the best overall performance by participating Divisions in the company's in-house awareness programmes. Trienekens Bintulu Branch received the award for achieving the best overall performance in the three main Green Synergy environmental awareness programmes - Recycling, Energy Saving and Fuel Efficiency.

*Anugerah "Sinergi Hijau" mengiktiraf prestasi keseluruhan terbaik jabatan yang mengambil bahagian dalam program kesedaran alam sekitar Trienekens. Cawangan Trienekens Bintulu telah menerima anugerah tersebut kerana mencapai prestasi kesuluruhan terbaik dalam tiga program kesedaran alam sekitar "Sinergi Hijau" iaitu Kitar Semula, Penjimatan Tenaga dan Kecekapan Bahan Api.*




HSE Senior Manager, Harris Michael (2nd right) presented the awards for "Outstanding Safe Long Haul Driving Performance" to winners (from left) Roger Lunggan, Awang Helmi bin Awang Putit and Jensoray Sepia.

*Anugerah "Prestasi Keselamatan Cemerlang Pemanduan Jarak Jauh" pula disampaikan oleh Pengurus Kanan HSE, Harris Michael (ke-2 kanan) kepada (dari kiri) Roger Lunggan, Awang Helmi bin Awang Putit dan Jensoray Sepia.*




Treatment & Disposal General Manager, Simon Chow (centre) presented the HSE awards for the Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP). Roma Duning (left) received the "Outstanding Safe Performance in Non-Scheduled Waste Operations" award, while Rolland Gali was presented with the "Outstanding Safe Performance in Scheduled Waste Operations" award.

*Pengurus Besar Rawatan & Pelupusan, Simon Chow (tengah) menyampaikan anugerah HSE kategori Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP). Anugerah "Prestasi Keselamatan Cemerlang Operasi Sisa Bukan Terjadual" telah dimenangi oleh Roma Duning (kiri), sementara anugerah "Prestasi Keselamatan Cemerlang Operasi Sisa Terjadual" telah diterima oleh Rolland Gali.*



In Bintulu, the individual award for "Outstanding HSE Performance (Bintulu Branch)" went to Joelius Basil Patrick (right). He received his award from Branch Division Manager, Patricia Susie Nyisong.

*Di Bintulu pula, anugerah "Prestasi HSE Cemerlang" diraih oleh Joelius Basil Patrick (kanan). Joelius menerima anugerah tersebut dari Pengurus Bahagian (Cawangan Bintulu), Patricia Susie Nyisong.*



Division Manager for Logistics & Services, Lee Ghee Seng presented Halmai bin Ogik (left) with the award for "Outstanding Safe Driving (RoRo) Performance".

*Halmai bin Ogik (kiri) menerima anugerah "Prestasi Pemanduan Selamat Cemerlang (RoRo)" dari Pengurus Bahagian Logistik dan Perkhidmatan, Lee Ghee Seng.*




The awards for "Outstanding Safe Team Performance (Municipal Waste)" were presented to (Team PHH424344) Muhd Hishamsyul Bin Mohd Johan, Nathan Paul Dio and Termizi bin Kamal; (Team MHH262728) Adi bin Abd Khaliq, Sapri bin Fadli and William Sawai; and (Team DHH363738) Suhaili bin Yusuf, Affendi bin Azman and Kasuma bin Osman.

*Anugerah "Prestasi Keselamatan Cemerlang Berpasukan (Sisa Perbandaran)" disampaikan kepada tiga pasukan terbaik iaitu; (Pasukan PHH424344) Muhd Hishamsyul Bin Mohd Johan, Nathan Paul Dio dan Termizi bin Kamal; (Pasukan MHH262728) Adi bin Abd Khaliq, Sapri bin Fadli dan William Sawai; serta (Pasukan DHH363738) Suhaili bin Yusuf, Affendi bin Azman dan Kasuma bin Osman.*




CELEBRATING HSE... Trienekens' staff, contractors and other invited guests group together at the company's HSE Day in Kuching.

*MERAIH HSE... Kakitangan, kontraktor dan para jemputan lain bergambar bersama pada Hari HSE syarikat di Kuching.*

# Verifying Compliance, Conformance And Performance

## Mengesah Pematuhan Dan Prestasi

Recognising how having an effective audit system is vital for a business's credibility, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd's core management structure is supported by a stringent quality audit system. In addition, the company also observes audits by regulatory bodies and customers according to their varying procedures. Such audits can assist in monitoring systems and processes, ensuring that they consistently meet conformance requirements and standards.

*Menyedari kepentingan sistem audit yang efektif untuk kredibiliti sesebuah bisnes, struktur utama pengurusan Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd didukung oleh sistem audit kualiti yang ketat. Tambahan pula, syarikat juga mematuhi audit oleh badan-badan perundangan dan pelanggan yang terdiri daripada pelbagai prosedur. Audit-audit sebegini akan membantu memantau sistem-sistem dan proses-proses, memastikan ia mencapai pematuhan dan piawaian.*



In June 2018, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd was successfully recommended for continued certification against the requirements of ISO 9001:2015 following an ISO 9001:2015 Surveillance Audit conducted by external certification body, AJA EQS Certification (M) Sdn Bhd. The audit was conducted over 3 days, with the scope of certification covering the Collection, Transportation, Disposal and Storage of Municipal, Domestic, Commercial, Industrial and Scheduled Wastes. Trienekens Chief Operating Officer, Alice Lee (seated 3rd right) is pictured here with AJA EQS Certification auditors, Satheesh Karat and Jacqueline Francis (seated 2nd and 3rd left respectively) and other Trienekens staff.

*Pada Jun 2018, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd telah berjaya disyorkan untuk pensijilan ISO 9001-2015 selepas satu Audit Pengawasan ISO 9001-2015 dijalankan oleh sebuah badan pensijilan luaran, AJA EQS Certification (M) Sdn. Bhd. Audit tersebut berlangsung selama 3 hari dan skop pensijilan merangkumi Kutipan, Pengangkutan, Pelupusan dan Simpanan Sisa Perbandaran, Domestik, Komersil, Industri dan Terjadual. Dilihat di gambar adalah Ketua Pegawai Operasi Trienekens, Alice Lee (duduk ke-3 kanan) dan juruaudit AJA EQS Certification, Satheesh Karat dan Jacqueline Francis (duduk ke-2 and ke-3 kiri) bersama kakitangan Trienekens lain.*



The Department of Environment (DOE) Sarawak recently conducted an annual inspection of Trienekens' licensed Scheduled Waste vehicles to ensure continued compliance of the company's Scheduled Waste Transportation License terms and conditions. DOE Sarawak personnel Muhammad Badrul Hisyam bin Kamaruddin (far left), Hamidah binti Samsudin (2nd right) and Sahrol Nizam bin Halidi Hasbi (far right) conducted the inspection.

*Jabatan Alam Sekitar (JAS) Sarawak baru-baru ini telah menjalankan pemeriksaan tahunan ke atas kenderaan-kenderaan Sisa Terjadual berlesen Trienekens bagi memastikan ia terus mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Lesen Pengangkutan Sisa Terjadual. Pemeriksaan telah dikendalikan oleh pegawai JAS Sarawak, Muhammad Badrul Hisyam bin Kamaruddin (hujung kiri), Hamidah binti Samsudin (ke-2 kanan) dan Sahrol Nizam bin Halidi Hasbi (hujung kanan).*



A panel from PETRONAS recently conducted the PETRONAS Integrated HSE and Contract Assurance audit at Trienekens to assess the company's compliance to HSE legal and statutory requirements, as well as contract requirements. The 3-day audit involved process and documentation reviews, as well as a technical inspection of the company's waste disposal and treatment facilities. Trienekens Group CEO, Stephen Chin (front row, extreme left) is pictured here with PETRONAS lead auditors Azizah Mohd Deli (front row, 3rd right), Lim Chen Fong (front row, 2nd left), Nur Farizan Aliasan (front row, 3rd left), with other Trienekens and PETRONAS team members.

*Sekumpulan PETRONAS baru-baru ini telah menjalankan satu sesi Jaminan HSE dan Kontrak Bersepadu PETRONAS di Trienekens bagi menilai pematuhan syarikat ke atas keperluan undang-undang dan statutori HSE, termasuk keperluan-keperluan kontrak. Audit 3 hari tersebut melibatkan penilaian proses dan dokumen. CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chow (baris depan, hujung kiri) dilihat bergambar bersama ketua audit PETRONAS Azizah Mohd Deli (baris depan, ke-3 kanan), Lim Chen Fong (baris depan, ke-2 kiri), Nur Farizan Aliasan (baris depan, ke-3 kiri), anggota-anggota lain dari Trienekens dan PETRONAS.*



In October, Sabah Shell conducted a HSE Verification Audit and site visit at Trienekens' facilities. A key element of the audit was the review and assessment of the company's operations performance according to Shell's Greenbanding Assessment Criteria. Pictured here are Shell representatives Cody Chong (extreme left), Matthews Emban (4th left) and Hii Yii Ming (3rd right) with Trienekens Senior Manager for HSE, Harris Michael (4th right) and other Trienekens staff.

*Pada Oktober, Sabah Shell telah mengendalikan satu Audit Pengesahan HSE dan lawatan tapak ke kemudahan-kemudahan Trienekens. Unsur utama audit merangkumi ulasan dan penilaian ke atas prestasi operasi syarikat berdasarkan Kriteria Penilaian Greenbanding Shell. Dilihat di dalam gambar adalah wakil-wakil Shell Cody Chong (hujung kiri), Matthews Emban (ke-4 kiri) and Hii Yii Ming (ke-3 kanan) bersama Pengurus Kanan HSE Trienekens Harris Michael (ke-4 kanan) dan kakitangan Trienekens yang lain.*

# Skills Enhancement For Professional Development
## Memperkasa Kemahiran Untuk Pembangunan Professional

A strong advocate of Training and Development, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd embraces a "continuous learning" culture, which is strengthened by effective training programmes that provide employees with educational opportunities to learn new skills or enhance their job performance. In addressing the different needs of the company's employees, the Group Human Resources Division recently organised several training programmes that focussed on technical skills development.

*Menyokong penuh Latihan dan Pembangunan, Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd mengalu-alukan budaya "pembelajaran berterusan" dengan menyediakan peluang-peluang mempelajari kemahiran baru atau meningkatkan prestasi kerja mereka melalui program-program latihan yang efektif. Untuk menangani pelbagai keperluan para pekerja, Bahagian Sumber Manusia Kumpulan baru-baru ini menganjurkan beberapa program latihan yang menekankan memperbaiki kemahiran teknikal.*

### Forklift Operator Safety Training / Latihan Keselamatan Operator Forklift



CERT Academy recently conducted a full day training session for the company's certified forklift operators. The course, which included both classroom and practical lessons, aimed to provide practical instructions on safe forklift operations in a realistic environment, with emphasis on workplace safety awareness. The in-depth programme addressed both manual and mechanical forklift handling, and essentially underlined the safety fundamentals of forklift operations including safe operating techniques; preventive maintenance, risk identification, as well as the principles of loading, unloading and operating a forklift in confined areas.

*Baru-baru ini Akademi CERT telah mengendalikan satu sesi latihan sepenuh hari untuk para operator forklift syarikat yang diperakui. Kursus yang merangkumi pembelajaran bilik darjah dan praktikal tersebut bertujuan untuk memberikan arahan-arahan praktikal dan selamat berkenaan operasi forklift di dalam suasana realitistik dengan menekankan kesedaran keselamatan di tempat kerja. Program yang mendalam ini juga menyentuh pengendalian forklift secara manual dan mekanikal, dan menekankan keselamatan asas operasi forklift termasuk teknik-teknik mengendali dengan selamat; penyenggaran cegah, mengenalpasti risiko termasuk prinsip-prinsip mengisi, memunggah dan mengendali forklift di dalam ruang yang terbatas.*

### Green Technology For Industrial Pollution Control
### Teknologi Hijau Untuk Mengawal Pencemaran Industri



Trienekens Department Manager for Logistics Operations, Hilary Empati and KIWMP RIM & HWII Department Manager, Geoji Jusua (seated 4th left and 3rd right respectively) attended a two day workshop entitled "Green Technology for Industrial Pollution Control". Conducted by Ir Dr Chong Hock Guan of GMP Environmental Consultants, the course introduced the use of new and emerging green technologies for effective environmental protection, including energy saving, effective waste management, and pollution control.

*Pengurus Jabatan Operasi Logistik, Hilary Empati dan Pengurus Jabatan RIM & HWII KIWMP, Geoji Jusua (duduk ke-4 dari kiri dan ke-3 kanan) telah menghadiri bengkel dua hari bertajuk "Teknologi Hijau untuk Mengawal Pencemaran Industri". Dikendalikan oleh Ir Dr Chong Hock Guan dari Perunding Alam Sekitar GMP, kursus tersebut memperkenalkan penggunaan teknologi hijau yang baru dalam pelindungan alam sekitar yang efektif, termasuk untuk menjimat tenaga, mengurus sisa dengan efektif dan mengawal pencemaran.*

## Training By Sarawak Information Systems (SAINS)
## Latihan Oleh Sistem Maklumat Sarawak (SAINS)



SAINS trainer (centre) with Microsoft Excel (Elementary & Intermediate) programme participants.
*Pelatih SAINS (tengah) bersama peserta program Microsoft Excel (Asas & Pertengahan).*



Participants of the Microsoft Excel (Advanced) programme with the trainer from SAINS.
*Para peserta program Microsoft Excel (Lanjutan) bersama pelatih SAINS.*

Two groups of staff from Trienekens' Kuching and Bintulu offices recently attended Microsoft Excel training programmes at the Sarawak Information Systems (SAINS) training centre in Kuching. The respective courses were aimed at enhancing participants' knowledge and skills on preparing electronic spreadsheets, as well as organising and formatting documents.

*Dua kumpulan pekerja dari pejabat Kuching dan Trienekens baru-baru ini telah menghadiri kursus latihan Microsoft Excel di pusat latihan Sistem Maklumat Sarawak (SAINS) di Kuching. Kursus-kursus tersebut bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta di dalam menyedia hamparan elektronik dan menyusun serta memformat dokumen-dokumen.*

## Training For Scheduled Waste Handlers / Latihan Untuk Pengendali Sisa Terjadual



Scheduled waste handlers from Trienekens' Bintulu Branch recently attended a Spill Response training session conducted by EP Sinar Bintulu. Besides a refresher on the proper use of Personal Protective Equipment (PPE), the programme also provided participants with practical instructions on the correct techniques, usage and maintenance of emergency spill equipment.

*Para pengendali sisa terjadual di Trienekens Cawangan Bintulu baru-baru ini telah menghadiri satu sesi latihan Respons Tumpahan yang dikendalikan oleh EP Sinar Bintulu. Selain sesi penyegar tentang penggunaan Peralatan Pelindungan Peribadi (PPE), program tersebut juga menyediakan para peserta dengan arahan-arahan amali tentang teknik-teknik yang betul, penggunaan dan penyenggaraan perkakas kecemasan tumpahan.*

# 2018 Staff Welfare Fund (SWF) Report

## Laporan Tabung Kebajikan Pekerja (SWF) 2018

Congratulations to all deserving recipients of Trienekens Staff Welfare Fund (SWF) Education Incentive for Excellent Examination Results 2018. Each student received a cash prize.

*Tahniah kepada semua penerima Insentif Pendidikan Keputusan Peperiksaan Cemerlang SWF Trienekens 2018. Setiap pelajar telah menerima hadiah wang tunai.*



Parents and representatives of the incentive recipients are pictured here with SWF Committee members, led by Trienekens Group Division Manager for Human Resources, Clare Kho (3rd left).

*Ibubapa dan wakil penerima insentif bergambar bersama jawatankuasa SWF, diketuai oleh Pengurus Bahagian Sumber Manusia Kumpulan, Clare Kho (ke-3 kiri).*

| **Student Name /<br>Nama Pelajar** | **Examination & Results /<br>Peperiksaan & Keputusan** | **Parent /<br>Ibubapa** | **Division<br>Bahagian** |
|---|---|---|---|
| Luciana Audry Leonard | PT3 - 7A | Leonard Lucas | KIWMP |
| Herbert Ixzy bin Halix | UPSR - 7A | Halix bin Kuyong | Kuching Logistics<br>*Logistik Kuching* |
| Nurfazliana Diwani Asfia bt Hamka | UPSR - 5A | Hamka Suud | Kuching Logistics<br>*Logistik Kuching* |
| Armstrong Fong Zhe Xun | UPSR - 3A | Tan Show Boon | Kuching Headquarters<br>*Ibu Pejabat Kuching* |

# "Green Synergy" Campaign Introduces Health & Safety Programmes

## Kempen "Sinergi Hijau" Perkenal Program Kesihatan Dan Keselamatan




Trienekens Group CEO, Stephen Chin spoke about the importance of health, safety and environmental awareness at the "Stay Fit" and "Safety Synergy" launching ceremony at Trienekens Head Office and Depot.

*CEO Kumpulan CEO, Stephen Chin berucap tentang pentingnya kesedaran kesihatan, keselamatan dan alam sekitar di majlis pelancaran "Kekal Sihat" dan "Sinergi Keselamatan" di Ibu Pejabat dan Depot Trienekens.*

First launched in February 2016, the "Green Synergy" campaign started as a corporate sustainability effort aiming to actively improve Trienekens' staff environmental awareness through three main programmes; Recycling, Energy Saving and Fuel Efficiency, later including an awareness programme for the Proper Management of Household Scheduled Waste.

Following the success of the campaign, the company incorporated two new Health and Safety programmes under the "Green Synergy" banner, which were launched in September 2018 by Trienekens Group CEO, Stephen Chin. While "Stay Fit" offers basic health facilities and fun activities for all staff; "Safety Synergy" focusses on general but essential safety practices aiming to strengthen the safety culture amongst the company's staff.

Some of the activities introduced through "Stay Fit" include weekly Zumba sessions and monthly fun runs for employees, as well as periodic "fruit days" where free fruits are distributed to all Trienekens employees in Kuching, Bintulu and the Federal Territory of Labuan to further enhance corporate wellness and promote healthy living.

*Dilancarkan pertama kalinya pada Februari 2016, kempen "Sinergi Hijau" bermula sebagai satu usaha korporat untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar kakitangan Trienekens melalui tiga program utama; Kitar Semula, Penjimatan Tenaga dan Keefisienan Bahan Api, dan kemudiannya melibatkan program kesedaran tentang Pengurusan Sisa Terjadual Rumah Yang Baik.*

*Susulan dari kejayaan kempen tersebut, syarikat juga telah memasukkan dua program Kesihatan dan Keselamatan yang baru di bawah panji "Sinergi Hijau" yang dilancarkan pada September 2018 oleh CEO Kumpulan Trienekens, Stephen Chin. Program "Kekal Sihat" menawarkan kemudahan kesihatan asas dan aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan untuk semua staf; "Sinergi Keselamatan" pula menekankan amalan-amalan keselamatan am tetapi penting dalam mengukuhkan budaya selamat di kalangan kakitangan staf.*

*Antara aktiviti-aktiviti yang diperkenalkan di dalam program "Kekal Selamat" termasuk sesi Zumba setiap minggu dan larian santai setiap bulan untuk para pekerja, serta "hari buah-buahan" di mana buah-buahan diagihkan secara percuma kepada semua kakitangan Trienekens di Kuching, Bintulu dan Wilayah Persekutuan Labuan sebagai satu usaha menggalakkan kesejahteraan korporat dan gaya hidup sihat.*

# Educating The Next Generation
## Mendidik Generasi Akan Datang

Raising awareness about the importance of proper management and waste separation at source has always been one of Trienekens' key focus areas, with the company frequently carrying out environmental education programmes for students; working alongside government agencies, schools and colleges who share the same interest to care for the environment.

Such programmes aim to equip the students with the necessary knowledge and awareness about the environmental benefits of managing waste properly and effectively; while sharing the best practices of waste management including separation of waste at the point of generation.

The company's waste segregation education programme for schools recently saw the addition of three new schools to the group of schools concurrently running the long-term project.

*Meningkat kesedaran tentang pentingnya mengurus dan mengasing sisa dengan baik merupakan fokus utama Trienekens dan syarikat kerap menganjurkan program-program kesedaran alam sekitar untuk pelajar; bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, sekolah dan kolej-kolej yang turut berkongsi minat yang sama untuk menjaga alam sekitar.*

*Program-program tersebut bertujuan untuk melengkapkan para pelajar dengan pengetahuan dan kesedaran yang diperlukan tentang faedah-faedah mengurus sisa dengan baik dan berkesan; sementara berkongsi amalan-amalan terbaik tentang pengurusan sisa temasuk mengasing sisa dari titik permulaan.*

*Program pendidikan pengasingan sisa untuk sekolah yang dianjurkan oleh syarikat turut menyaksikan penyertaan tiga sekolah baru menyertai kumpulan sekolah yang menjalankan projek jangka panjang tersebut.*




RECYLE RIGHT... St Joseph International School joined Trienekens' solid waste segregation and recycling awareness programme earlier this year, in collaboration with PANSAR Company Sdn Bhd. Pansar's General Manager, Wallace Pau (2nd left) handed over a set of recycling bins to St. Joseph's Family of School Director, Christopher Chua (2nd right) accompanied by Trienekens Group Deputy CEO, Elvin Wee (far right) and St. Joseph's International School's Principal, Brother Paul Hough.

*KITAR SEMULA DENGAN BETUL...Sekolah Antarabangsa St. Joseph menyertai program pengasingan sisa pepejal dan kesedaran kitar semula Trienekens pada awal tahun ini dengan kerjasama PANSAR Company Sdn Bhd. Pengurus Besar PANSAR, Wallace Pau (ke-2 kiri) menyerahkan satu set tong kitar semula kepada Pengarah Keluarga Sekolah St. Joseph (ke-2 kanan) sambil ditemani oleh Timbalan CEO Kumpulan Trienekens, Elvin Wee (hujung kanan) dan Pengetua Sekolah Antarabangsa St. Joseph, Brother Paul Hough.*



RESPONSIBLE CITIZENS... Trienekens launched its recycling programme with Lodge International School in conjunction with the school's annual 'Conservation Day' event. The event was carried out to raise awareness about environmental conservation among its primary and secondary level students. The event was also supported and funded by Pansar Company Sdn Bhd who was represented by its General Manager (Business Division), David Tai (seated , 2nd left). Also present were the school's Principal, Matthew Wee (seated 3rd right) and Trienekens Chief Operating Officer, Alice Lee (seated, centre).

*WARGA BERTANGGUNGJAWAB...Trienekens juga melancarkan program kitar semulanya di Sekolah Antarabangsa Lodge sempena sambutan "Hari Pemuliharaan" tahunan sekolah tersebut. Majlis diadakan untuk meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan alam sekitar di kalangan pelajar tahap rendah dan menengahnya. Majlis juga disokong dan dibiayai oleh Pansar Company Sdn Bhd yang diwakili oleh Pengurus Besar (Bahagian Perniagaan), David Tai (duduk, ke-2 kiri). Turut hadir adalah Pengetua Sekolah, Matthew Wee (duduk ke-3 kanan) dan Ketua Pegawai Operasi Trienekens, Alice Lee (duduk, tengah).*




The Padawan Municipal Council (MPP) and Trienekens recently introduced the school solid waste education and recycling awareness programme with SK Garland. The school is the latest school under the Council's jurisdiction to adopt the joint recycling programme, which engages both students and staff to practice segregating their school waste from the point-of-generation. The school is also an active member of PALS Club; an environmental club for schools established by the Natural Resources and Environment Board (NREB) Sarawak.

*Majlis Perbandaran Padawan (MPP) dan Trienekens baru-baru ini telah memperkenalkan program pendidikan sisa pepejal dan kesedaran kitar semula di SK Garland. Sekolah tersebut merupakan sekolah terbaru di bawah bidang kuasa MPP yang menyertai program bersama ini dan ia melibatkan para pelajar dan guru-guru mengasing sisa sekolah dari titik penjanaan. Sekolah tersebut juga ahli aktif Kelab PALS, satu kelab alam sekitar untuk sekolah yang ditubuhkan oleh Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) Sarawak.*

# Corporate Sponsorships

## Sumbangan Korporat

Besides education and community development, Trienekens' corporate social responsibility (CSR) initiatives also involve contributions in support of worthy causes. The company's corporate sponsorships include direct contributions, gift programmes, technical expertise or provision of services.

*Selain pendidikan dan pembangunan komuniti, inisiatif-inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) Trienekens juga melibatkan sumbangan kedermawaan sebagai sokongan kepada yang memerlukan. Kedermawaan korporat syarikat juga melibatkan sumbangan terus, program-program hadiah, kepakaran teknikal atau penyediaan perkhidmatan.*



COUNCIL SUPPORT... Trienekens Bintulu Branch Division Manager, Patricia Susie Nyisong (left) hands over the company's contribution to a representative of Bintulu Development Authority in support of the Council's "Borneo International Kite Festival".

*SOKONGAN MAJLIS TEMPATAN...Pengurus Cawangan Trienekens Bintulu, Patricia Susie Nyisong (kiri) menyerahkan sumbangan syarikat kepada wakil Lembaga Kemajuan Bintulu (BDA) sebagai tanda sokongan sambutan "Pesta Layang-Layang Antarabangsa Borneo"*





FOR A GOOD CAUSE... (top) Projects Department Manager, Julius Salok Kassy presents representatives of the Sarawak Society for Parents of Children with Special Needs (PIBAKAT) with Trienekens' support cheque while (bottom) Senior Manager for HSE, Harris Michael hands over a contribution from the company to a representative of the Mambong's Community-Based Rehabilitation (CBR) Centre.

*HASRAT MURNI...(atas) Pengurus Jabatan Projek, Julius Salok Kassy menyampaikan cek kepada wakil-wakil Pertubuhan Ibubapa Kanak-kanak Keperluan Istimewa (PIBAKAT) Sarawak sementara (bawah) Pengurus Kanan HSE, Harris Michael menyerahkan sumbangan syarikat kepada wakil Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Mambong.*





(top) Trienekens CSR Department Manager, Janet Balong presents SK Taba Sait with hampers for their sports day, while (bottom) Corporate Communications Division Manager, Julan Yu Abit presents the same school with hampers for their prize presentation ceremony.

*(atas) Pengurus Jabatan CSR Trienekens, Janet Balong menyampaikan sumbangan hadiah hamper kepada SK Taba Sait sempena sambutan Hari Sukan sekolah, sementara (bawah) Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat, Julan Yu Abit menyampaikan sumbangan sempena acara penyampaian hadiah di sekolah yang sama.*

# New Team Members / Tenaga Kerja Baru

## Kuching Headquarters & Depot / Ibu Pejabat Kuching & Depot



**Jong Suk Fui**
Executive Administrator, Business Development
*Eksekutif Pentadbiran, Pembangunan Perniagaan*

## Kuching Integrated Waste Management Park (KIWMP), Mambong



**Ning Shahira binti Sharbini**
Process Chemist, Laboratory & Analysis
*Ahli Kimia, Makmal & Analisis*



**Kelvin Costner Janggu Bada**
Engineer, KIWMP Maintenance
*Jurutera, Penyelenggaraan KIWMP*



**Mohd Zuhari bin Othman**
Junior Mechanic, KIWMP Maintenance
*Mekanik Muda, Penyelenggaraan KIWMP*

# Spot The Difference / Carikan Perbezaan



Spot and circle all 10 differences in the photos below and stand a chance to win a SONY Walkman Digital Media Player.

*Cari dan bulatkan kesemua 10 perbezaan di dalam gambar-gambar berikut dan berpeluang menangi satu Pemain Media Digital Walkman Sony.*







Congratulations to Rudy ak Ringes, winner of last issue's Spot the Difference contest. Rudy receives his prize from Department Manager, LWTP, Lee Yu Wee.

*Tahniah kepada Rudy ak Ringes, pemenang peraduan Cari Perbezaan isu lepas. Rudy menerima hadiah dari Pengurus Jabatan LWTP, Lee Yu Wee.*

Please send in your entry to the following address before **15 May 2019**. Late entries will not be entertained.

*Sila kembalikan penyertaan anda ke alamat berikut sebelum* **15 Mei 2019***. Penyertaan lewat tidak akan dilayan.*

**Corporate Communications Division,**
**Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.**
216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLD,
93250 Kuching, Sarawak.

Personal Details/ *Butiran Peribadi*

Name/*Nama* ..........................................................................................

IC No./*No. KP* ..........................................................................................

Are you a Trienekens Staff ?/*Adakah anda pekerja Trienekens?* ☐ Yes/*Ya* ☐ No/*Tidak*

(If yes / *Jika ya*) Trienekens' Employee No. / *No. Pekerja Trienekens:* ..........................................

Address/*Alamat* ..........................................................................................

..........................................................................................

Tel. No./*No. Tel* ..........................................................................................

**Trienekens (Sarawak) Sdn. Bhd.** (485296-V)
"Your Trusted Partner In Environmental Management"

**Headquarters (Kuching)**
216 Jalan Sungai Tapang,
Lot 2040 Block 15 MTLD,
93250 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6082 610700
Hotline : +6082 612300
Fax : +6082 620120
Email : customercare@trienekens.com.my

**Bintulu Branch & Depot**
Lot 4034 Block 26,
Kemena Land District,
Kidurong Industrial Estate,
Jalan Tanjung Kidurong
97000 Bintulu,
Sarawak, Malaysia.
Tel : +6086 253959
Fax : +6086 253115
Email : customercare@trienekens.com.my

www.trienekens.com.my